

# DEB tidak diskriminasi bukan Melayu – Najib

Um - 29/7/2001

Oleh SHARIZA ABDULLAH  
dan DIANA ROSE KAMALLUDEEN

**YAN** 28 Julai – Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dicetuskan oleh Perdana Menteri kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak pada 1970 tidak mendiskriminasi orang bukan Melayu di negara ini.

Sebaliknya Timbalan Perdana Menteri berkata, DEB sebenarnya bertujuan membetulkan diskriminasi terhadap orang Melayu yang hilang maruah dan keyakinan diri selepas dijajah selama 400 tahun.

“Saya lihat orang Cina dan India bukan tidak setuju dengan DEB tetapi tidak senang dengan kaedah pelaksanaannya,” kata beliau ketika merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Jerai di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Yan di sini hari ini.

Menurutnya, jika pelaksanaan DEB betul, orang bukan Melayu juga boleh menerimanya supaya negara akan menjadi lebih aman, stabil dan makmur.

Beliau juga kesal dengan pemimpin Melayu tertentu yang mempertikaikan DEB walaupun rancangan eko-

nomi itu telah terbukti membantu meningkatkan taraf hidup orang Melayu dan pada masa sama tidak menjejaskan kaum lain.

Najib berkata, tanpa DEB yang diperkenalkan oleh UMNO, orang Melayu mungkin hidup merempat di negara sendiri.

“Jadi jangan sekali-kali kata DEB tidak perlu sama sekali biarpun kita sentiasa melakukan penambahbaikan pada dasar dan pelaksanaannya,” kata beliau.

Tetapi malangnya kata beliau, ada pemimpin UMNO yang dulunya menjuarai DEB kini bertindak sebaliknya mengkritik dasar tersebut apabila tersingkir daripada parti.

“Pemimpin seperti ini perlu dinilai semasa dia berada dalam parti dan memperjuangkan dasar kerajaan,” ujarnya.

Sementara itu, Timbalan Presiden UMNO itu berkata, Pas sudah tidak lagi relevan dalam mengangkat martabat Islam kerana fahamannya yang sempit dan mengeksploitasi agama demi kepentingan peribadi.

Kata beliau, dalam membina sebuah tamadun Islam yang hebat, ia berpaksi kepada konsep Islam yang lebih luas dan global.